

11/04/2000

Kumpulan 77 perlu serius laksana keputusan di Havana

Mior Kamarul Shahid in Havana, Cuba

SELAMA lima hari mulai hari ini, 133 negara membangun dalam Kumpulan 77 berbincang di Havana, Cuba. Ia bermula dengan mesyuarat pegawai kanan diikuti perbincangan peringkat menteri, seterusnya pertemuan ketua-ketua negara dalam Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 ini.

Ketika ditubuhkan pada 15 Jun 1964, kumpulan itu hanya dianggotai 77 negara membangun dan miskin. Hari ini, 133 negara mewakili negara dunia ketiga, mengukuhkan lagi kumpulan itu. Mewakili empat per lima daripada penduduk dunia, sidang kemuncak 133 negara ini dilihat begitu penting dalam konteks mewujudkan kerjasama sesama anggota terutamanya bagi menghadapi cabaran alaf baru. Sidang ini diberi perhatian oleh negara maju kerana ia memberi kesan kepada strategi yang mereka atur selama ini.

Negara membangun adalah pusat yang boleh memberi kekayaan di Barat. Mereka bukan saja mengeksploitasi sumber dan kekayaan, malah mahu menjajah semula dengan cara paling halus. Kumpulan 77 menyedari kesan globalisasi yang cuba diketengahkan oleh Barat. Kesedaran saja tidak akan memberi kesan bermakna jika mereka tidak bertindak dengan satu hati. Kumpulan 77 sebenarnya sudah mempunyai kekuatan. Soalnya sejauh mana mereka boleh memberi tentangan terhadap serangan daripada negara maju, terutama daripada Kumpulan 7.

Dari segi bilangan anggota, Kumpulan 77 adalah satu kuasa begitu kuat yang boleh menghadapi mana-mana negara perindustrian malah kumpulan mereka seperti Kumpulan 7. Cabaran yang dihadapi juga begitu besar, bukan sekadar rintangan daripada kuasa Kumpulan 7 yang dianggotai negara perindustrian dan kuasa besar dunia, tetapi paling menakutkan ialah ancaman globalisasi dan liberalisasi yang cuba dipopularkan oleh kuasa besar berkenaan.

Hubungan Selatan-Utara tidak pernah menampakkan tanda-tanda positif. Negara maju tidak pernah menunjukkan iltizam yang ikhlas dalam hubungan antarabangsa. Janji pasca perang dingin yang memberi jaminan untuk memakmurkan negara membangun, tidak pernah ditunaikan.

Ketika ditubuhkan, keutamaan Kumpulan 77 adalah untuk mewujudkan kerjasama negara anggota yang menegaskan pelbagai bantuan perdagangan dan ekonomi, bantuan teknikal sesama sendiri dan sebagainya. Dalam suasana politik dan ekonomi dunia hari ini, skop kerjasama yang diharapkan jauh lebih besar dan mencabar. Negara-negara dalam Kumpulan 77 terpaksa menghadapi pelbagai ancaman baru dalam alaf baru. Ancaman globalisasi yang begitu kompleks dianggap lebih memberi cabaran daripada ancaman ideologi. Isu ideologi terbukti tidak lagi menjadi penghalang untuk mewujudkan apa juga bentuk kerjasama.

Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa negara membangun seharusnya dimakmurkan kerana kemakmuran negara berkenaan akan dapat memakmurkan negara serantau. Soal perbezaan ideologi tidak seharusnya menjadi pertimbangan utama. Penyatuan negara-negara dalam Kumpulan 77 ini sudah pun membuktikan bahawa masalah ideologi sudah lama dapat diatasi, malah sejak sebelum berakhirnya perang dingin lagi. Ribuan suku kaum yang berbeza agama, kecenderungan politik, adat istiadat dan budaya dapat disatukan dalam Kumpulan 77 menerusi satu misi untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Ancaman globalisasi tidak boleh dipandang ringan kerana ia merentasi bidang perdagangan, pelaburan, aliran modal dan diperkuatkan lagi dengan kemajuan teknologi yang turut membabitkan teknologi maklumat (IT). Ia memberi kesan menyeluruh kepada hubungan antarabangsa. Kesan globalisasi

yang digunakan untuk melemahkan negara membangun, adalah lebih buruk daripada bencana alam. Ia boleh membawa kemusnahan begitu dahsyat, menyebabkan suasana politik di sesebuah negara bergolak, malah boleh menjadi medan pertumpahan darah. Rakyat diheret supaya menyalahkan kerajaan kononnya tidak tahu mentadbir negara sedangkan mereka yang bertanggungjawab melakukan kekecohan bersenang-lenang dengan keuntungan yang mereka kaut sewenang-wenangnya. Ini bertentangan dengan prinsip negara membangun mahu mewujudkan satu sistem ekonomi yang adil demi memastikan keselamatan dan keamanan sejagat. Malangnya, negara yang menentang, diugut dengan pelbagai ugutan, malah mengenakan sekatan ekonomi seperti berlaku di beberapa negara. Cuba, adalah antara negara yang menerima hukuman.

Bagi negara yang tidak dapat mengejar kemajuan pada tahap yang sepatutnya, mereka akan terus ketinggalan. Bagi mereka yang berusaha mengejar dengan rapat kemajuan yang kebanyakannya dicipta negara Barat, pula terpaksa menghadapi dilema atas nama kebebasan atau yang hanya menguntungkan pencipta teknologi. Kegawatan ekonomi yang melanda Asia Timur adalah tanda-tanda buruk kesan globalisasi. Kemajuan dan kebebasan yang cuba dibawa negara Barat terbukti berjaya mencipta satu krisis kewangan yang buruk di Asia dua tahun lalu. Menerusi globalisasi, jurang negara miskin dan negara kaya bukan saja bertambah besar, malah negara yang membangun dengan pesat juga menghadapi masalah 'dimiskinkan' akibat kesan globalisasi.

Oleh itu, Kumpulan 77 perlu menangani masalah ini dengan mengambil kira pelbagai faktor yang digunakan oleh Barat untuk melemahkan sesebuah negara yang dilihat cuba membantutkan usaha mereka. Malaysia dan beberapa negara lain di Asia Timur menjadi mangsa mereka.

Jika Malaysia yang mencatat pertumbuhan ekonomi 8 peratus selama lapan tahun berturut-turut, boleh digugat dengan sekelip mata, ia seolah-olah memberi amaran kepada negara membangun yang lain bahawa masa depan mereka berada di tangan mereka. Proses globalisasi memberi kesan yang begitu menakutkan kepada negara Selatan. Mereka sedar, ia tidak dapat mengelakkan diri akibat kesan ekonomi dunia seperti krisis kewangan yang terbukti menerusi liberalisasi kewangan yang berpunca daripada spekulasi dan aliran kewangan yang dirancang oleh negara maju. Apakah kuasa kawalan negara-negara membangun?

Dalam konteks ini, perjuangan Malaysia untuk mewujudkan satu rangka kewangan antarabangsa adalah satu jalan keluar yang harus diterima oleh Kumpulan 77. Ini termasuk menentukan peraturan dana lindung nilai dan memastikan setiap bentuk bantuan daripada institusi kewangan bebas daripada tujuan untuk mencengkam negara membangun di samping mewujudkan amaran awal bagi membantu negara berkenaan menghadapi saat kecemasan krisis kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menggariskan perkara ini dengan terperinci apabila beliau berucap pada sidang puncak itu nanti.

Hari ini, apa saja dilakukan oleh negara maju, tidak memberi keuntungan kepada negara membangun sedangkan pelbagai prinsip berhubung isu globalisasi sudah dipersetujui menerusi Pusingan Uruguay mengenai rundingan pelbagai hala perdagangan.

Isu pengetahuan dan teknologi turut mendapat keutamaan dalam sidang puncak Kumpulan 77 kali ini, Segala-galanya berlaku akibat berlakunya anjakan daripada bidang pembuatan kepada bidang maklumat dan kegiatan pengeluaran berasaskan pengetahuan dalam ekonomi global sejak dua dekad lalu. IT adalah satu revolusi teknologi yang begitu berkuasa yang membawa kepada perubahan fundamental. Apakah negara membangun sudah bersedia menggunakan kemajuan ini?

Jika gagal berbuat demikian, ia hanya akan menjarakkan kemajuan antara negara maju dengan membangun, apatah lagi jika mandat Persidangan Vienna 1979 mengenai Sains dan Teknologi yang menetapkan supaya pemindahan teknologi seharusnya memberi kepentingan bersama antara pengeluar dengan pengguna pengetahuan teknikal, tidak dipatuhi. Pada masa yang sama, negara Selatan juga tidak seharusnya terlalu mengharapkan negara maju untuk meningkatkan penggunaan teknologi. Mereka sendiri seharusnya berusaha sesama sendiri. Satu langkah yang wajar difikirkan dengan serius ialah mewujudkan rangkaian penyelidikan dan pembangunan (R&D) Selatan-Selatan menerusi institusi tertentu di negara anggota.

Kerjasama Selatan-Selatan, bukanlah perkara baru. Ia terbukti menjadi alat untuk memperkukuhkan kebebasan negara membangun. Ini terbukti menerusi kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara anggota. Lagi pun, setakat ini sudah banyak landasan, strategi dan pelan bertindak kerjasama Selatan-Selatan diperkenalkan.

Program Bertindak Havana yang akan dirumus dalam sidang puncak ini, tidak seharusnya dijadikan dokumen kosong tetapi ia memerlukan tindakan serius jika semua negara anggota menyedari bahawa mereka sedang menempuh satu zaman yang sukar.

(END)